

## PENDEKATAN RUKUN MADANI: DAYA CIPTA DALAM PENGURUSAN ZAKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

### THE MADANI PILLARS APPROACH: INNOVATION IN THE MANAGEMENT OF ZAKAT AT INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING

<sup>i</sup>\*Muhammad Azhad Al-Bohari & Azman Ab Rahman

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

<sup>\*</sup>(Corresponding Author): [azhadsampj@gmail.com](mailto:azhadsampj@gmail.com)

#### ABSTRAK

Pengurusan institusi pada masa kini menuntut pendekatan tadbir urus yang lebih dinamik, berkesan dan inovatif selaras dengan gagasan Malaysia Madani yang berteraskan enam rukun utama sebagai panduan nilai pembangunan negara. Dalam konteks ini, institusi zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berperanan penting sebagai pemacu kesejahteraan sosial warga kampus melalui pengurusan kutipan dan agihan zakat yang cekap serta berimpak. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan konsep Malaysia Madani dan meninjau penerapan rukun Madani dalam pengurusan institusi zakat IPT, dengan memberi tumpuan khusus kepada rukun Daya Cipta sebagai asas inovasi dalam tadbir urus zakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah dokumentasi dan pemerhatian bagi mengumpul data serta menganalisis kandungan secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan rukun Daya Cipta amat signifikan dalam memperkasakan institusi zakat IPT melalui pelaksanaan inovasi baharu dalam sistem kutipan dan agihan zakat yang lebih efisien, responsif dan menepati keperluan warga IPT. Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan bagi meneroka penerapan rukun-rukun Malaysia Madani yang lain dalam pengurusan institusi zakat IPT.

**Kata Kunci:** *Malaysia Madani, rukun daya cipta, pengurusan zakat, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), inovasi zakat*

#### ABSTRACT

*Institutional management in the contemporary era requires a governance approach that is more dynamic, effective, and innovative, in line with the Malaysia Madani vision, which is founded on six core pillars as guiding values for national development. In this context, zakat institutions at Higher Education Institutions (HEIs) play a significant role as drivers of social well-being within the campus community through efficient and impactful zakat collection and distribution management. The objective of this study is to discuss the concept of Malaysia Madani and to examine the application of the Madani pillars in the management of zakat institutions at HEIs, with particular emphasis on the Pillar of Creativity as a foundation for innovation in zakat governance. This study adopts a qualitative approach using documentation and observation methods to collect data and analyse content descriptively. The findings indicate that the application of the Pillar of Creativity is highly significant in strengthening zakat institutions through the implementation of new innovations in zakat collection and distribution systems that are more efficient, responsive, and aligned with the needs of the HEI community. Accordingly, further studies are recommended to explore the application of other Malaysia Madani pillars in the management of zakat institutions at HEIs.*

*Keyword (s): Malaysia Madani, pillar of creativity, zakat management, higher education institutions, zakat innovation*

## PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang memenuhi syarat. Pelaksanaannya menuntut agar harta tersebut diagihkan kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya. Kewajipan ini telah dijelaskan dalam al-Quran. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Tawbah:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣

Maksudnya: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

[al-Tawbah, 9: 103]

Pelantikan wakil oleh institusi zakat bagi menguruskan kutipan dan agihan tersebut telah menjadi antara mekanisme penting dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat di Malaysia. Amalan ini melibatkan peranan amil daripada pelbagai institusi dan agensi yang terlibat dalam urusan kutipan zakat, agihan zakat atau kedua-duanya sekali. Pendekatan ini memberi manfaat yang signifikan terhadap pelaksanaan wakalah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dalam membantu institusi zakat mendekati golongan muzakki dan asnaf di institusi tersebut.

Kerajaan telah memperkenalkan gagasan Malaysia Madani yang merangkumi rukun kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan (Anwar, 2023). Gagasan ini berfungsi sebagai kerangka nilai bagi memperkukuh tadbir urus negara, termasuk dalam aspek pengurusan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dalam konteks ini, prinsip daya cipta perlu diterapkan secara bersepadu bagi menyokong pelaksanaan pengurusan zakat yang lebih berkesan dan responsif terhadap keperluan semasa. Walau bagaimanapun, cabaran dalam mengekalkan pengurusan yang cekap dan sistematik dalam institusi zakat masih perlu ditangani bagi memastikan kelancaran proses kutipan dan agihan zakat di IPT. Oleh itu, artikel ini membincangkan peranan konsep daya cipta dalam gagasan Malaysia Madani sebagai pendekatan strategik untuk memperkasakan pengurusan zakat di IPT di Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dan mengaplikasikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Instrumen pengumpulan data pula terdiri daripada analisis dokumen. Contoh jenis dokumen digunakan sebagai sandaran kajian adalah seperti tesis, buku, seminar, jurnal dan artikel kajian yang berkaitan sama ada dalam bentuk fizikal ataupun secara maya. Data yang diperoleh seterusnya dikumpul dan dievaluasi sehingga membentuk suatu kesimpulan.

## DAPATAN KAJIAN

### KONSEP MALAYSIA MADANI

Konsep masyarakat dan negara madani telah diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim dalam ceramahnya di Festival Istiqlal, Jakarta, pada 26 September 1995. Beliau menjelaskan bahawa kedatangan Islam bukan sekadar membawa pandangan hidup baharu yang menekankan peranan akal dan pemikiran rasional, tetapi juga mencetuskan perubahan ruhaniah dan intelektual yang mendorong perubahan sosial serta menegaskan kemuliaan manusia (Zulfiani, 2019). Dalam konteks semasa, pentadbiran kerajaan telah memperkenalkan konsep Malaysia Madani yang berteraskan enam rukun utama bagi mewujudkan sebuah negara madani yang maju dalam kerangka pembangunan negara. Enam rukun tersebut ialah kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Pengenalan kepada kerangka baharu ini telah disampaikan oleh Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke-10, melalui amanat bertajuk "Membangun Malaysia Madani" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 19 Januari 2023. Menurut beliau, istilah Madani merujuk kepada suatu bentuk tatakelola yang adil dan berkesan sebagaimana yang pernah diamalkan dalam sejarah masyarakat Islam di Madinah yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW dan disokong oleh masyarakat berbilang kaum dan agama. Keunikan fabrik sosial masyarakat tersebut dizahirkan melalui Sahifah Madinah yang bersifat menyeluruh dan sejabat serta berorientasikan kemaslahatan warga (Anwar Ibrahim, 2023).

Dalam amanat tersebut, Perdana Menteri turut menggariskan enam rukun teras Malaysia Madani seperti yang digambarkan dalam gambar rajah di bawah.



Gambar Rajah 1: Enam Rukun Malaysia Madani  
Sumber: *Laman Astro Awani, The Sun Daily dan Media Selangor*

Gambar Rajah 1 menunjukkan enam rukun Malaysia Madani iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya Cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan) yang menjadi asas dalam menentukan hala tuju Malaysia ke arah pembinaan sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Enam rukun ini membentuk suatu kerangka visi baharu negara yang dirangka secara

bersepadu dan menyeluruh serta berorientasikan masa hadapan bagi membangunkan masyarakat madani yang progresif, berdaya saing dan inklusif.



Gambar Rajah 2: Definisi Enam Rukun Malaysia Madani  
 Sumber: *Laman Sosial Media Jabatan Perdana Menteri*

Secara keseluruhannya, enam rukun Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan membentuk satu konsep menyeluruh yang menjadi asas kepada gagasan Madani. Keenam-enam rukun ini berperanan sebagai tonggak utama dalam pembentukan dasar Malaysia Madani serta berfungsi sebagai panduan dalam hala tuju pembangunan negara. Setiap rukun membawa maksud dan peranan tersendiri yang menjadi pemacu dalam membimbing negara yang sedang membangun. Menurut kenyataan Perdana Menteri, gagasan Malaysia Madani dirumuskan berasaskan pengalaman lebih empat dekad dalam perkhidmatan awam, kepimpinan dalam pelbagai kementerian, penglibatan di peringkat antarabangsa serta pengalaman sebagai pendidik di beberapa institusi pengajian tinggi terkemuka dunia.

Konsep Madani perlu difahami secara menyeluruh agar hasrat dan wawasan yang digariskan dapat dicapai serta menepati keperluan semasa termasuk kehendak syarak. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan Madani atau مدني merupakan istilah yang berasal daripada bahasa Arab dan membawa maksud kemajuan dari sudut pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Ia turut merujuk kepada usaha membentuk masyarakat melalui penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan serta pembangunan kurikulum (manhaj) yang terarah kepada pembinaan masyarakat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Dalam konteks Barat, istilah madani sering dikaitkan dengan konsep civil society atau masyarakat sivil. Istilah ini berasal daripada bahasa Latin civilis societates yang merujuk kepada fenomena kehidupan individu dan sosial. Konsep tersebut telah digunakan oleh Cicero yang menjelaskan bahawa masyarakat sivil juga boleh difahami sebagai masyarakat politik yang berasaskan undang-undang dalam mengatur kehidupan (Wahyu, 2020).

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa perkataan Madani berasal daripada perkataan Madinah. Perkataan Madinah pula dikaitkan dengan istilah madaniyyah yang

membawa maksud peradaban. Berdasarkan kefahaman ini, masyarakat Madani dapat difahami sebagai masyarakat yang beradab serta menjunjung tinggi nilai-nilai peradaban dan kemanusiaan. Istilah masyarakat Madani mula diperkenalkan di Asia Tenggara pada tahun 1995 oleh Anwar Ibrahim dan seterusnya dikembangkan di Indonesia oleh Nurcholish Madjid (Wahyudi, 2022). Masyarakat Madani berbeza daripada konsep masyarakat sivil Barat yang lebih menekankan kebebasan individu. Sebaliknya, masyarakat Madani merupakan suatu sistem sosial yang terbina atas asas moral dan nilai yang menjamin keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan masyarakat.

Secara umumnya, konsep Madani telah wujud sejak sekian lama. Namun, para cendekiawan dan pemimpin kontemporari menafsir serta menerapkannya mengikut konteks dan kerangka peradaban negara masing-masing sama ada berasaskan tradisi Barat atau Islam. Nilai-nilai peradaban dalam konsep Madani seperti kesaksamaan, keadilan dan toleransi wajar dijadikan pedoman oleh pemimpin masa kini sekiranya ingin membangunkan negara dan masyarakat yang berteraskan nilai kemanusiaan. Penerapan konsep Madani yang berlandaskan Islam diyakini mampu memberi kesan positif terhadap pembentukan negara melalui lahirnya masyarakat yang beradab dan memiliki nilai moral yang tinggi.

## TINJAUAN ENAM RUKUN MALAYSIA MADANI

Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar Ibrahim berhasrat agar negara yang ditadbir olehnya diurus secara adil dan saksama serta masyarakat dapat dibangunkan dengan baik ke arah pembinaan peradaban bangsa. Prinsip ini selari dengan ajaran Islam yang menekankan kepimpinan berteraskan keadilan, amanah dan penghayatan nilai-nilai murni dalam pentadbiran negara dan pengurusan masyarakat. Sehubungan itu, gagasan Malaysia Madani yang diperkenalkan bersifat menyeluruh dan universal melalui enam rukun utamanya iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan). Keenam-enam rukun ini mencerminkan amalan nilai murni yang sangat dituntut dalam Islam dan menjadi asas kepada pembentukan tadbir urus negara yang berteraskan keadilan serta kesejahteraan.

### 1. Kemampanan

Istilah “kemampanan” berasal daripada perkataan dasar mampan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, mampan bermaksud mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik (bukan ekonomi, pembangunan dan sebagainya) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Dalam bahasa Inggeris, istilah ini sinonim dengan perkataan *sustainable*. Beberapa sarjana juga berpendapat bahawa mampan mempunyai makna yang hampir sama dengan lestari, kerana kedua-duanya menekankan konsep keseimbangan dan kesinambungan dalam pembangunan.

Menurut Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Anwar Ibrahim, dalam kerangka Malaysia Madani, konsep kemampanan diertikan sebagai kemajuan kualiti hidup rakyat yang berasaskan keseimbangan antara manusia dan alam, berpaksikan identiti Malaysia yang unik. Keseimbangan ini menuntut pelaksanaan keadilan kepada semua lapisan masyarakat tanpa sebarang bentuk diskriminasi, kezaliman atau penindasan. Seorang pemimpin yang berpegang pada prinsip kemampanan perlu bersifat adil, saksama dan menjauhi segala bentuk ketidakadilan, sebagaimana yang ditekankan dalam ajaran Islam. Rasulullah SAW bersabda:

اتَّقُوا الظُّلْمَ فَإِنَّ الظُّلْمَ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: Hindarilah kezaliman kerana kezaliman itu adalah kegelapan pada hari kiamat kelak.

(Hadis Riwayat Muslim: 2578)

## 2. Kesejahteraan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan “sejahtera” didefinisikan sebagai aman dan makmur, senang dan tenteram, serta terpelihara daripada bencana, kesusahan dan gangguan. Berdasarkan definisi tersebut, dapat difahami bahawa rukun Kesejahteraan dalam konsep Malaysia Madani membawa maksud keseimbangan hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan yang berlandaskan keharmonian dan kestabilan. Justeru, usaha untuk mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan rakyat perlu mengambil kira pembentukan sikap yang baik, beretika dan mampan.

Menurut Sodiq (2015), ukuran kesejahteraan dalam Islam berasaskan tiga elemen utama: tauhid (keyakinan kepada Allah SWT), kecukupan daripada rasa lapar (pemenuhan keperluan asas hidup), serta hilangnya ketakutan dan kebimbangan. Hal ini menunjukkan bahawa kesejahteraan menurut Islam tidak hanya bersifat material, tetapi menekankan kestabilan spiritual dan keamanan jiwa. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ۚ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَآمَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ۚ

Maksudnya: Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan Pemilik rumah ini (Ka'bah). Yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka dari ketakutan.

[al-Quraysh, 106:3–4]

## 3. Daya Cipta

Daya cipta merupakan rukun ketiga daripada enam rukun Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri. Istilah “daya cipta” merangkumi makna pembaharuan reka cipta dan penciptaan baharu yang berasaskan perubahan secara kreatif. Teras kepada daya cipta ialah keupayaan mengubah sesuatu secara terancang dan bermakna. Konsep ini menjadi asas penting dalam usaha membangunkan Malaysia Madani yang progresif dan mampan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2014) daya cipta ditakrifkan sebagai keupayaan atau kebolehan mencipta. Takrif ini menunjukkan bahawa daya cipta merupakan satu proses melahirkan idea atau konsep baharu sama ada melalui penciptaan baharu atau penambahbaikan terhadap perkara sedia ada. Dalam perspektif Islam nilai daya cipta sentiasa dituntut kerana Allah SWT menggalakkan hambanya untuk berusaha mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik tanpa melanggar syariat. Prinsip ini selari dengan firman Allah SWT:

لَهُ مَعْبَآتٌ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ۚ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia.

[al- Ra'ad, 13:11]

Ayat tersebut menegaskan bahawa perubahan nasib seseorang bergantung kepada usaha yang dilakukan oleh individu atau masyarakat itu sendiri. Allah SWT tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sekiranya mereka tidak berusaha mengubah keadaan diri mereka. Prinsip ini terpakai sama ada dalam konteks kebaikan atau keburukan yang dihasilkan oleh perbuatan manusia. Oleh itu pembaharuan dalam kehidupan menjadi suatu keperluan yang berterusan. Keperluan ini menjadi lebih penting dalam konteks pentadbiran sesebuah negara yang menuju ke arah kemajuan. Nilai daya cipta berperanan memastikan pembaharuan yang dilaksanakan mampu melahirkan idea dan pendekatan baharu yang lebih kreatif dan inovatif. Hasil daripada daya cipta ini memberi kesan positif kepada pelbagai aspek kehidupan termasuk pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

#### 4. Hormat

Perkataan "hormat" merupakan istilah yang sering dikaitkan dengan nilai-nilai murni atau mahmudah. Amalan saling hormat-menghormati sesama insan bukan sahaja mendatangkan kebaikan malah menjadi antara nilai yang dituntut dalam Islam. Sifat ini seharusnya wujud dalam diri setiap Muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT. Amalan hormat-menghormati juga mencerminkan, kemuliaan akhlak seseorang dalam kehidupan bermasyarakat. Namun demikian, Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan perkataan hormat melalui beberapa takrif yang berbeza bergantung kepada konteks penggunaannya seperti yang dihuraikan berikut:

- 1) Mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan, khidmat, takzim;
- 2) Perbuatan untuk menyatakan rasa khidmat atau takzim;
- 3) Menaruh penghargaan (khidmat, takzim);
- 4) Kebesaran, kemegahan, kemuliaan, ketinggian;
- 5) Nama baik, harga diri;
- 6) Kemurnian, kesucian (wanita).

Semua takrifan yang dikemukakan digunakan mengikut konteks dan struktur ayat tertentu bagi menjelaskan maksud perkataan asal hormat. Hal ini kerana perkataan hormat mempunyai pelbagai kata terbitan seperti berhormat, menghormati, terhormat, kehormat, kehormatan, penghormatan dan penghormat. Setiap kata terbitan tersebut membawa maksud yang berbeza bergantung kepada penggunaannya. Selain itu, perkataan hormat turut mempunyai sinonim seperti takzim sopan santun dan khidmat. Oleh itu dapat difahami bahawa konsep hormat

membawa makna yang luas dan berlapis serta ditentukan oleh istilah dan konteks penggunaannya.

Rukun hormat dalam konsep Malaysia Madani membawa impak dan nilai yang positif serta wajar diterapkan dalam kalangan masyarakat. Melalui rukun ini konsep hormat dikaitkan secara langsung dengan maruah manusia. Istilah hormat juga mempunyai pertalian dengan konsep adab yang berasal daripada bahasa Arab. Konsep adab merangkumi makna budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan. Nilai ini tidak hanya berfungsi sebagai panduan tingkah laku individu malah menjadi asas kepada pembentukan sesebuah peradaban. Prinsip hormat ini selari dengan galakan untuk saling beradab dan hormat-menghormati sesama insan. Pelbagai ayat al-Quran dan hadis turut menekankan kepentingan nilai hormat dalam Islam. Amalan hormat-menghormati wajar dipraktikkan dalam segenap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, latar belakang, bangsa atau warna kulit. Budaya ini akan melahirkan kebaikan dalam kehidupan serta mencerminkan sifat takwa dalam diri orang mukmin. Firman Allah SWT:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعِظْكُمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ۚ ۳۲

Maksudnya: Demikianlah (ajaran Allah) dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dialah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin.

[al-Hajj, 22: 32]

## 5. Keyakinan

Perkataan “keyakinan” merupakan kata terbitan yang berasal daripada perkataan “yakin”. Kedua-duanya mempunyai makna yang tersendiri menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Perkataan “yakin” didefinisikan sebagai betul-betul percaya (tentang kebenaran, kemampuan, dan lain-lain sesuatu atau seseorang), tidak ragu-ragu (syak-syak) lagi, pasti benar: dia masih tetap, bahawa jalan yang ditempuhnya bukanlah jalan yang salah; mengetahui dengan akan arah kiblat; kami dia akan berjaya dalam pertandingan itu; berkata dengan berkata dengan sungguh-sungguh; meyakini (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Manakala perkataan “keyakinan” pula diertikan sebagai perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan: kita akan menjalankan semula kewajipan kita dengan penuh bahawa Allah akan menjayakan cita-cita kita (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Rukun “keyakinan” dalam konsep Malaysia Madani mempunyai hubungan yang erat dengan prinsip amanah. Keyakinan dalam rukun ini merujuk kepada komitmen moral yang melibatkan pertanggungjawaban duniawi dan ukhrawi. Amanah menjadi unsur asas yang menjamin ketenteraman serta kestabilan masyarakat sepanjang sejarah. Prinsip ini menuntut pemimpin memiliki keyakinan yang tinggi dalam memikul amanah yang diberikan. Pelaksanaan amanah yang berasaskan keyakinan akan membentuk hubungan kepercayaan antara pemimpin dan rakyat. Keadaan ini selari dengan pandangan Mohd Desa, Omar dan Singh (2022) yang menyatakan bahawa kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap tadbir urus kerajaan pada pelbagai peringkat menjadi teras utama yang dibina atas dasar keyakinan, integriti dan keupayaan untuk memenuhi keperluan serta harapan rakyat.

## 6. Ihsan



“Ihsan” merupakan istilah yang membawa makna peduli dan belas kasihan terhadap orang lain. Nilai ihsan merangkumi sikap mengasihi sesama insan termasuk ahli keluarga, sahabat, jiran tetangga dan masyarakat secara keseluruhan, khususnya golongan minoriti dan yang memerlukan. Ihsan bukan sekadar perasaan simpati, tetapi melibatkan usaha untuk menyelami penderitaan serta kesukaran yang dialami oleh orang lain. Sifat ini mendorong seseorang untuk berusaha mencari jalan bagi mengurangkan atau mengubati kesengsaraan tersebut. Konsep ihsan ini selari dengan pengertian yang dibawa dalam kerangka Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10. Ihsan juga merupakan nilai yang dituntut dalam Islam kerana ia berasaskan empati dan keprihatinan yang tinggi terhadap kebajikan sesama manusia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan “ihsan” ditakrifkan dengan beberapa maksud seperti berikut.

- 1) Beribadat kepada Allah dengan menyedari bahawa seseorang itu dengan Allah SWT yang sentiasa melihatnya;
- 2) Kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik, kemurahan (hati): membuat kepada seseorang atau masyarakat adalah amanah;
- 3) Jasa baik, izin: gambar-gambar itu disiarkan dengan, Jabatan Penerangan;
- 4) Keihsanan sifat murah hati, kebaikan hati, kemurahan hati: mereka tidak seperti mana sahaja manusia yang lain dalam erti kata keluhuran akalunya, dan pengenalan rohaniahnya melampaui batas-batas darah dan dagingnya.

Takrifan-takrifan yang diberikan merujuk kepada maksud ihsan yang digunakan mengikut konteks serta situasi tertentu.

Nilai ihsan mempunyai kedudukan yang tinggi apabila diaplikasikan secara benar dalam kehidupan sama ada dalam hubungan dengan Allah SWT, manusia, mahupun haiwan. Engku Alwi (2020) menyatakan bahawa antara ciri orang yang bertakwa ialah mereka yang sentiasa berbuat ihsan dalam kehidupan seharian. Perkara ini turut dapat diperhatikan dalam al-Quran, apabila sebanyak 16 ayat yang mengandungi kalimah “Allah mencintai”, lima daripadanya disandarkan kepada golongan yang berbuat ihsan, iaitu muhsinin. Ihsan kepada Allah SWT merujuk kepada ketundukan dan pengabdian manusia yang dilakukan dengan penuh keikhlasan kepada-Nya. Prinsip ini disentuh melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa’ ayat 125:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ۚ ١٢٥

Maksudnya: Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid) dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayangan-Nya.

[al-Nisa', 4: 125]

## PERBINCANGAN

### **RUKUN MALAYSIA MADANI DALAM KONTEKS INSTITUSI ZAKAT IPT DI MALAYSIA**

Institusi zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri khususnya dalam pengurusan zakat di peringkat universiti. Zakat sebagai rukun Islam yang ketiga bukan sahaja merupakan kewajipan agama. Ia juga berfungsi sebagai instrumen penting untuk membantu menangani masalah ekonomi dalam kalangan warga IPT yang tergolong sebagai asnaf terutamanya pelajar dan kakitangan universiti daripada golongan fakir dan miskin. Institusi zakat di IPT berperanan mengutip zakat daripada warga universiti yang layak serta menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf tersebut secara teratur dan telus. Melalui pendekatan ini institusi zakat IPT bukan sahaja membantu menstabilkan keadaan ekonomi warga IPT yang memerlukan malah turut menyumbang kepada pembentukan ekosistem kampus yang berasaskan nilai Madani seperti kesejahteraan keadilan sosial dan tanggungjawab bersama. Inisiatif ini seterusnya berpotensi melahirkan graduan yang lebih peka terhadap isu sosial serta komited dalam memperkasakan masyarakat melalui penghayatan amalan zakat secara berterusan.

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian awal, institusi zakat di Malaysia secara tidak langsung telah menerapkan prinsip serta rukun Malaysia Madani melalui pelbagai program dan aktiviti yang dirancang. Pelaksanaan ini dapat dilihat melalui usaha berterusan dalam membantu golongan asnaf merangkumi aspek keagamaan, kewangan, pendidikan, kerohanian, kesihatan dan ekonomi. Pendekatan yang menyeluruh ini mencerminkan nilai Madani seperti ihsan, keadilan sosial dan kesejahteraan bersama. Program yang dirangka berasaskan keperluan sebenar masyarakat turut memperlihatkan peranan institusi zakat sebagai pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang lebih seimbang dan berdaya tahan, termasuk dalam konteks komuniti pendidikan seperti Institusi Pengajian Tinggi.

Peranan institusi zakat dalam konteks membangunkan Malaysia Madani menjadi signifikan kerana institusi ini bertanggungjawab mengurus pengumpulan dan pengagihan zakat bagi memperkukuh keharmonian serta kesejahteraan sosial masyarakat. Dari sudut sosial, zakat berfungsi sebagai mekanisme untuk mengurangkan jurang antara golongan miskin dan kaya melalui penyediaan bantuan kewangan dan keperluan asas kepada mereka yang memerlukan. Usaha ini menyumbang kepada peningkatan keseimbangan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Dari sudut ekonomi pula, institusi zakat berperanan memperkasakan golongan asnaf melalui pemberian bantuan kewangan, latihan kemahiran dan sokongan modal bagi menjana aktiviti ekonomi yang mampan. Peranan ini turut relevan dalam persekitaran IPT yang mempunyai struktur sosial tersendiri serta kelompok asnaf yang unik seperti pelajar dan kakitangan universiti.

Walau bagaimanapun, penerapan pendekatan Malaysia Madani dalam konteks institusi zakat berhadapan dengan beberapa cabaran yang perlu ditangani secara bersepadu. Antara cabaran utama ialah tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan zakat sebagai instrumen pembangunan ekonomi umat Islam (Ali, 2018). Selain itu, cabaran turut melibatkan aspek pengumpulan dan pengagihan zakat yang berkesan serta cekap (Ahmad & Hassan, 2019). Pelaksanaan enam rukun Malaysia Madani juga menuntut komitmen menyeluruh daripada semua pihak yang terlibat, termasuk amil yang kompeten dan profesional, pembayar zakat yang

ikhlas, serta penerima zakat yang memahami tanggungjawab menggunakan bantuan yang diterima secara berhemah demi kelangsungan hidup dan kesejahteraan keluarga. Cabaran-cabaran ini turut memberi implikasi langsung terhadap pelaksanaan zakat di peringkat IPT yang memerlukan pendekatan pengurusan yang lebih tersusun dan berfokus.

## **RUKUN DAYA CIPTA DALAM INSTITUSI ZAKAT IPT**

Rukun Daya Cipta dalam institusi zakat di Malaysia dapat diperhatikan melalui pelbagai usaha yang dilaksanakan bagi memperkasakan sistem pengurusan zakat agar kekal relevan dengan keperluan semasa masyarakat. Sejarah pengurusan zakat dalam Islam turut menunjukkan bahawa perubahan dan pembaharuan merupakan sebahagian daripada keperluan pentadbiran zakat bermula daripada kaedah kutipan secara manual melalui pelantikan amil pada zaman Rasulullah SAW sehingga kepada penggunaan teknologi maklumat dan sistem dalam talian pada masa kini. Transformasi ini mencerminkan penerapan daya cipta dalam memastikan sistem zakat mampu diurus secara lebih cekap dan berkesan. Rukun Daya Cipta menjadi semakin signifikan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kerana institusi zakat IPT bukan sahaja berperanan mengurus kutipan dan agihan zakat, malah bertanggungjawab membangunkan sistem pengurusan yang progresif, inovatif dan berdaya saing bagi memaksimumkan manfaat zakat kepada golongan asnaf selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.

### **Inovasi dalam Pengurusan Zakat**

Penerapan rukun Daya Cipta dalam pengurusan zakat dapat dilihat melalui usaha institusi zakat membangunkan sistem pengurusan yang lebih komprehensif dan sistematik. Inovasi dalam aspek ini bertujuan meningkatkan kecekapan pentadbiran, ketelusan proses, serta keberkesanan penyampaian bantuan kepada golongan asnaf. Keperluan kepada sistem pengurusan yang inovatif menjadi semakin penting dalam persekitaran IPT yang mempunyai struktur organisasi yang kompleks serta melibatkan jumlah pembayar dan penerima zakat yang pelbagai.

Antara contoh inovasi pengurusan zakat yang signifikan ialah pelaksanaan sistem pengurusan zakat secara in-house di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Menyedari keperluan kepada sistem yang lebih mantap, universiti tersebut telah membentuk satu kumpulan pakar yang terdiri daripada golongan profesional pelbagai bidang bagi merangka sistem pengurusan zakat yang komprehensif dan selari dengan perkembangan sektor pengurusan lain di universiti berkenaan. Sistem ini dibangunkan sepenuhnya oleh universiti, sekali gus membolehkan pemilikan sistem dikekalkan oleh pihak universiti dan memudahkan sebarang penambahbaikan dilakukan tanpa melibatkan kos yang tinggi (Zainal Fikri & Asmadi, 2011). Pendekatan ini mencerminkan penerapan daya cipta melalui penggunaan kepakaran dalaman dan pengoptimuman sumber sedia ada.

Selain itu, pembangunan sistem pengurusan zakat yang berkesan turut menuntut pembangunan sumber manusia yang mempunyai kefahaman mendalam terhadap sistem zakat serta keupayaan urus tadbir yang cekap dan profesional. Gabungan kepakaran ini penting bagi memastikan sistem zakat yang dibangunkan bukan sahaja bersifat teknikal, malah selari dengan prinsip syariah dan keperluan pengurusan moden (Hailani Muji Tahir, 2009). Hasil inovasi tersebut, sistem pengurusan zakat yang dibangunkan telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan berbanding pengurusan konvensional, termasuk sistem temu duga yang lebih teratur, pengurusan mesyuarat dan kelulusan bantuan yang lebih efektif, serta penyampaian maklumat yang lebih mesra pelanggan dan kos efektif (Rosli Mahmud, 2011).

Inovasi pengurusan zakat ini turut melibatkan pewujudan pangkalan data atau database maklumat asnaf yang berpusat. Pangkalan data ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketelusan dan kecekapan pengurusan permohonan bantuan, di samping membolehkan pemantauan terhadap status asnaf dilakukan dengan lebih sistematik. Kewujudan pangkalan data bersepadu ini membantu mengurangkan pertindihan bantuan serta memastikan agihan zakat dilaksanakan secara lebih adil dan berfokus.

Keberkesanan inovasi dalam pengurusan zakat ini dapat dilihat melalui peningkatan ketara jumlah kutipan zakat. Pelaksanaan sistem pengurusan zakat secara dalam talian di UPSI telah menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat daripada sekitar RM92,850 pada tahun 2008, iaitu tahun pertama inovasi diperkenalkan, kepada lebih RM900,000 pada tahun 2014 (Mahmud et al., 2015). Pencapaian ini membuktikan bahawa penerapan rukun Daya Cipta dalam pengurusan zakat bukan sahaja meningkatkan kecekapan pentadbiran, malah memberi impak langsung terhadap keberkesanan sistem zakat secara keseluruhan.

### **Inovasi dalam Kutipan Zakat**

Inovasi dalam kutipan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan antara manifestasi rukun Daya Cipta yang penting dalam memastikan sistem zakat kekal relevan dan berkesan dalam persekitaran universiti. Struktur organisasi IPT yang melibatkan warga akademik, kakitangan sokongan dan pelajar memerlukan pendekatan kutipan zakat yang lebih sistematik, fleksibel dan berteraskan teknologi. Justeru, institusi zakat IPT perlu memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memudahkan urusan kutipan zakat serta meningkatkan penyertaan pembayar zakat dalam kalangan warga universiti.

Pemanfaatan teknologi ICT di peringkat IPT lazimnya dilaksanakan melalui penggunaan laman web universiti, sistem kewangan dalaman dan platform digital yang diintegrasikan dengan pengurusan sumber manusia. Pendekatan ini membolehkan warga universiti mendapatkan maklumat zakat dengan lebih mudah, di samping menyediakan saluran pembayaran yang pantas dan selamat. Penggunaan sistem digital ini juga menyumbang kepada peningkatan keyakinan pembayar zakat terhadap ketelusan pengurusan zakat di peringkat universiti, sekali gus menyokong peningkatan jumlah kutipan zakat secara berterusan.

Selain itu, inovasi dalam kutipan zakat di IPT turut merangkumi pelaksanaan sistem potongan gaji secara automatik bagi kakitangan universiti. Kaedah ini memudahkan warga universiti menunaikan zakat secara konsisten tanpa memerlukan urusan manual yang berulang. Kutipan zakat secara tunai pula direkodkan melalui sistem digital yang teratur bagi memastikan ketepatan data serta memudahkan proses audit dan pelaporan kewangan. Pengurusan kutipan yang berasaskan sistem ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pentadbiran, malah mengukuhkan aspek akauntabiliti institusi zakat IPT sebagai sebahagian daripada tadbir urus universiti.

Secara keseluruhannya, inovasi dalam kutipan zakat di institusi zakat IPT mencerminkan penerapan rukun Daya Cipta melalui penggunaan teknologi, penambahbaikan kaedah kutipan dan pengukuhan sistem pengurusan dalaman. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan warga universiti menunaikan kewajipan zakat, malah menyumbang kepada peningkatan hasil kutipan yang seterusnya membolehkan lebih banyak bantuan disalurkan kepada golongan asnaf dalam kalangan komuniti universiti. Kepelbagaian teknologi kutipan zakat yang diperkenalkan ini bukan sahaja memudahkan para muzakki, malah menyumbang kepada peningkatan hasil kutipan yang seterusnya memberi kesan positif terhadap pembangunan sosioekonomi ummah


(Ab Rahman & Abd Shakor, 2024). Pelaksanaan inovasi kutipan zakat yang berfokus kepada konteks IPT ini selari dengan aspirasi Malaysia Madani yang menekankan kecekapan, ketelusan dan kesejahteraan bersama.

### Inovasi dalam Agihan Zakat

Inovasi dalam agihan zakat merupakan elemen penting dalam memastikan bantuan yang disalurkan benar-benar memenuhi keperluan golongan asnaf secara berkesan dan berimpak tinggi khususnya dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pelaksanaan sistem agihan yang inovatif diperlukan bagi mengatasi karenah birokrasi yang sering membelenggu penerima bantuan serta meningkatkan kecekapan proses pentadbiran. Seiring dengan rukun Daya Cipta dalam kerangka Malaysia Madani, institusi zakat IPT perlu menerapkan pendekatan yang lebih progresif dan responsif dalam pengurusan agihan zakat.

Pemanfaatan teknologi maklumat melalui pelaksanaan sistem agihan zakat secara atas talian merupakan antara inovasi utama dalam konteks ini. Sistem permohonan dan semakan status bantuan secara dalam talian membolehkan asnaf mengemukakan permohonan dengan lebih mudah serta memantau status permohonan secara telus. Penggunaan sistem digital ini bukan sahaja memudahkan penyimpanan dan pengurusan data permohonan, malah membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang lebih sistematik, melaksanakan pengauditan, memantau aliran keluar dana, serta menyediakan laporan agihan yang komprehensif (Mohamad Dahan, 2001). Keupayaan sistem dalam talian yang disepadukan dengan kemudahan komunikasi seperti e-mel, sistem pesanan ringkas dan platform digital lain turut meningkatkan keberkesanan pemantauan serta kecekapan penyampaian maklumat (Zainal Fikri & Ismadi, 2011).

Selain aspek teknologi, inovasi dalam agihan zakat IPT turut dipandu oleh penerapan prinsip maqasid syariah dalam memastikan bantuan yang disalurkan bersifat segera, mencukupi dan diawasi. Prinsip segera (*fauran*) memastikan bantuan sampai kepada asnaf tanpa kelewatan yang menjejaskan kebajikan penerima. Prinsip mencukupi (*kifayah*) pula menekankan keperluan bantuan yang benar-benar mencukupi bagi menampung kos pengajian dan keperluan asas pelajar asnaf. Prinsip pengawasan (*murāqabah*) memastikan proses agihan dilaksanakan secara telus dan dipantau oleh pihak pengurusan IPT serta Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Perkara ini seperti yang dijelaskan dalam rajah 1.



**Rajah 1.** Struktur Agihan Zakat IPT. Diadaptasi daripada Muhammad Rizal et al., 2017

Pelaksanaan prinsip-prinsip ini dapat dilihat melalui penyediaan bantuan yuran pengajian, sara hidup, buku dan peralatan akademik yang bertujuan memastikan pelajar asnaf tidak tercicir daripada sistem pendidikan tinggi (Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din, 2018; Muhammad Syukri, 2006).

Inovasi agihan zakat di IPT juga dizahirkan melalui pelaksanaan skim agihan yang lebih kreatif dan holistik. Agihan zakat tidak lagi terhad kepada bantuan kewangan jangka pendek, sebaliknya diperluas kepada program pembangunan sahsiah, kerohanian, motivasi, kepimpinan dan keusahawanan pelajar. Program-program ini dibiayai sepenuhnya melalui dana zakat dengan matlamat melahirkan pelajar asnaf yang berdaya saing dan berdikari. Dalam konteks ini, amil IPT bukan sahaja berperanan menguruskan kutipan dan agihan zakat, malah terlibat secara langsung dalam perancangan polisi skim agihan, penetapan syarat kelayakan asnaf, prosedur permohonan serta pemantauan keberkesanan bantuan melalui penglibatan dalam Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat IPT. Amil juga digalakkan menghasilkan inovasi baharu bagi mengurangkan karenah birokrasi dan meningkatkan kecekapan agihan zakat (Azman et al., 2024).

Secara keseluruhannya, inovasi dalam agihan zakat di institusi zakat IPT mencerminkan penerapan rukun Daya Cipta melalui penggunaan teknologi, pematuhan prinsip maqasid syariah dan pengenalan skim agihan yang lebih kreatif serta berorientasikan pembangunan insan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kebajikan pelajar asnaf terpelihara, malah menyumbang kepada pembentukan ekosistem pendidikan tinggi yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Pelaksanaan inovasi agihan zakat yang berfokus kepada konteks IPT ini selari dengan aspirasi Malaysia Madani yang menekankan kesejahteraan, keadilan sosial dan pembangunan insan secara menyeluruh.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Kajian ini merumuskan bahawa penerapan rukun Daya Cipta dalam kerangka Malaysia Madani bukan sekadar wacana normatif, malah mempunyai implikasi praktikal yang signifikan terhadap pengurusan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan zakat IPT yang mengintegrasikan elemen inovasi mampu meningkatkan kecekapan tadbir urus serta memperkukuh keberkesanan sistem kutipan dan agihan zakat. Hal ini membuktikan bahawa rukun Daya Cipta berperanan sebagai pemacu transformasi institusi zakat IPT daripada pendekatan konvensional kepada pengurusan yang lebih sistematik dan responsif.

Analisis terhadap inovasi dalam pengurusan zakat memperlihatkan bahawa penggunaan sistem pengurusan bersepadu, pangkalan data asnaf dan penambahbaikan prosedur pentadbiran telah membantu mengurangkan kelemahan operasi serta meningkatkan ketelusan institusi zakat IPT. Dalam aspek kutipan zakat pula, pemanfaatan teknologi digital dan sistem potongan gaji secara automatik bukan sahaja memudahkan muzakki dalam kalangan warga universiti, malah menyumbang kepada peningkatan hasil kutipan secara berterusan. Dapatan ini menunjukkan bahawa inovasi bukan sekadar meningkatkan kemudahan, tetapi turut memberi kesan langsung terhadap keupayaan institusi zakat IPT memenuhi keperluan asnaf.

Sementara itu, inovasi dalam agihan zakat yang berpandukan prinsip maqasid syariah telah mengukuhkan dimensi keadilan dan keberkesanan bantuan. Penekanan terhadap prinsip segera, mencukupi dan pengawasan memastikan bantuan zakat disalurkan secara tepat dan berimpak, khususnya kepada pelajar asnaf. Pelaksanaan skim agihan yang bersifat holistik seperti program pembangunan sahsiah, motivasi dan keusahawanan turut memperlihatkan peralihan

fungsi zakat daripada sekadar bantuan kebajikan kepada instrumen pembangunan insan jangka panjang.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa penerapan rukun Daya Cipta dalam pengurusan zakat IPT menyumbang kepada pembentukan ekosistem pendidikan tinggi yang lebih inklusif, berdaya tahan dan berorientasikan kesejahteraan sosial. Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa institusi zakat IPT mempunyai potensi besar untuk berfungsi sebagai instrumen strategik dalam merealisasikan aspirasi Malaysia Madani, khususnya melalui tadbir urus zakat yang inovatif, telus dan berkesan.

## PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) USIM, dengan tajuk Kerangka Kompetensi Amil Zakat Institut Pengajian Tinggi (Ipt) Ke Arah Membangun Malaysia Madani Kod Penyelidikan FRGS/1/2023/SSI13/USIM/01/1. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## RUJUKAN:

- Ab Rahman, A., Romli, A. B., Abd Shakor, M. F., Daud, M. N., & Matali, A. (2024). Amalan wakalah pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi Malaysia: Practise of the wakalah in zakat management at Malaysia higher education institutions. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(3), 80–89. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no3.616>
- Ab Rahman, A., & Abd Shakor, M. F. (2024). Pengurusan Amil Zakat di Institut Pengajian Tinggi: Isu Dan Cabaran: Amil Zakat Management In Higher Education Institutions: Issues And Challenges. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1), 142-152.
- Ahmad, F. A., & Hassan, R. (2019). Application of Maqasid al-Shariah in zakat institutions in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 5(2), 427-448.
- Ali, M. A. (2018). Zakat institutions and Rukun Negara: A Malaysian perspective. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 9(3), 419-432.
- Anwar Ibrahim. (2023). Membangun negara madani: Visi dan kerangka dasar reformasi. Institut Darul Ehsan.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Daya Cipta" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=daya+cipta>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Hormat" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hormat>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Ihsan" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ihsan>.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Keyakinan" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keyakinan>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Madani" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=madani>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Mampan" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=mampan>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Sejahtera" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sejahtera>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Definisi "Yakin" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=yakin>.
- Engku Alwi, E. A. Z. (2020, Julai 5). Pemantapan keyakinan, akidah lahir kesempurnaan iman. MyMetro. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/07/707455/pemantapan-keyakinan-akidah-lahir-kesempurnaan-iman>.
- Engku Alwi, E. A. Z. (2020, November 27). Berbuat ihsan dalam kehidupan. My Metro <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/11/646504/berbuat-ihsan-dalam-kehidupan>.
- Hailani b. Muji Tahir. (2009). Konsep agihan zakat dan aplikasi semasa. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 3, No. 1. 32-54.
- Mahmud, R. R., Hashim, I., Ahmad, S., Mohamad, A. B. H., & Ahmad, S. H. (2015). Inovasi dalam Pengurusan Zakat di UPSI: Kesannya Terhadap Kepuasan Asnaf dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Perspektif*, 7(1), 101-112.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (2001). Pendekatan kepada cara pengagihan dana zakat yang dinamik sesuai dengan suasana semasa. Dlm Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). Kaedah pengagihan dana zakat: Satu perspektif islam. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Desa, Z., Omar, A. S., & Sigh, K. (2022). Kepercayaan dan keyakinan rakyat dalam pemerkasaan urus tadbir Kerajaan Negeri Sarawak: Analisis dari perspektif rakyat. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, Vol. 13., 215-217.
- Rosliza @ Rosli Mahmud, Ibrahim Hashim & Mohd Azhar Mamat. (2011). Inovasi dalam pengurusan zakat: Pengalaman Universti Pendidikan Sultan Idris. Kertas kerja persidangan majlis hal ehwal Islam institusi Pengajian Tinggi Malaysia pada 22-24 November 2011.
- Sodiq, Amirus. (2015). Konsep kesejahteraan dalam Islam. *Jurnal Ekonomi Syariah*, 3(3).
- Wahyu, I. C. D. K. (2020). Implementasi Pendidikan Nilai Dan Konsep Masyarakat Madani Dalam Pembelajaran IPS. *BIHARI: Jurnal Pendidikan Sejarah Dan Ilmu Sejarah*, 3(1).
- Wahyudi, M. Arifky. (2022, November 27). Sejarah Masyarakat Madani dan pandangannya dalam Islam. Kompasiana. <https://www.kompasiana.com/arifkywahyudi29/6382eaac9557ec2f5f1b1ac2/sejarah-masyarakat-Madani-dan-pandangannya-dalam-islam>.



Zainal Fikri Zamzuri & Ismadi Baharuddin. (2011). ICT dalam zakat dlm. Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor & Rawi Nordin, (editor). *Fiqh zakat Malaysia*, hlm. 305-317. Shah Alam: Pusat penerbitan Universiti MARA (UPENA).

Zulfiani, A. (2019). Anwar Ibrahim’s political thoughts on civil society and its relevance to politics in Malaysia. *International Journal on Social Science, Economics and Art*, 9(3), 143–157. <https://ijosea.isha.or.id/index.php/ijosea/article/download/35/33>